



INFO@KPKM.

CUKUP DAN TERJAMIN

KUNJUNGAN HORMAT YB MENTERI KPKM KE SIN CHEW DAILY

5 DISEMBER | SIN CHEW MEDIA CORP, PETALING JAYA, SELANGOR

Sesi temubual eksklusif YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan bersama wartawan Sin Chew Daily di Petaling Jaya telah diadakan bagi membincangkan topik berkaitan pengukuhan keterjaminan makanan negara.

Hubungan baik antara kementerian dan pengamal media sentiasa dijaga supaya semua mesej kerajaan kepada rakyat dapat disampaikan dengan lebih jelas dan tepat.



PERSIDANGAN PENGURUSAN KEWANGAN TAHUN 2024 KPKM

7-10 DISEMBER | MOVENPICK HOTEL KLIA, SEPANG, SELANGOR

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) julung kalinya menganjurkan Persidangan Pengurusan Kewangan Tahun 2024 di Hotel Movenpick KLIA, Sepang, Selangor.

Persidangan ini melibatkan peserta yang terdiri daripada Pengurusan Tertinggi dan pegawai-pegawai kanan kementerian serta Jabatan dan agensi di bawahnya.

Objektif persidangan ini adalah untuk menyediakan satu platform perkongsian ilmu dan penambahbaikan tatakelola pengurusan kewangan serta jalinan kerjasama antara kementerian, jabatan dan agensi yang terlibat bagi penyampaian perkhidmatan yang lebih jelas dan teratur untuk meningkatkan produktiviti sektor awam.



KARNIVAL JUALAN MADANI ANJURAN PUSPANITA KPKM

7 DISEMBER | WISMA TANI, PUTRAJAYA

Program Karnival Jualan MADANI Anjuran Puspanita Cawangan KPKM telah dihadiri oleh Pengurus Puspanita KPKM, Ybhg Datin Wan Razanawani Wan Zakaria dan ahli-ahli Majlis Tertinggi Puspanita Cawangan KPKM di pekarangan Wisma Tani, Putrajaya.

Pelbagai aktiviti telah dijalankan antaranya jualan pelbagai produk agromakanan serta jualan kombo madani.

Menurut Pengurus Puspanita KPKM, program ini merupakan rentetan program-program CSR di bawah Puspanita KPKM yang bertujuan untuk membantu meringankan beban rakyat dengan menawarkan harga barang yang lebih berpatutan.



TEMUBUAL EKSKLUSIF BERSAMA YB MENTERI KPKM

7 DISEMBER | KUMPULAN MEDIA KARANGKRAF, SHAH ALAM, SELANGOR

YB Datuk Seri Haji Mohamad Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan berkesempatan memenuhi jemputan sesi temubual eksklusif bersama wartawan Sinar Harian di Kumpulan Media Karangkraf, Shah Alam.

Sesi temubual tersebut membincangkan isu-isu inisiatif KPKM dalam usaha pengukuhan keterjaminan dan sekuriti makanan negara.

Fokus temubual merangkumi isu keterjaminan bekalan beras, ayam dan telur demi memastikan bekalan makanan negara sentiasa mencukupi dan terjamin.



PROGRAM SETAHUN BERSAMA KERAJAAN MADANI : RERUAI KPKM SEDIA AKTIVITI MENARIK & BERMANFAAT

8-10 DISEMBER | STADIUM NASIONAL BUKIT JALIL, KUALA LUMPUR

(HARI PERTAMA)

Pelbagai aktiviti menarik diadakan pada hari pertama di Reruai KPKM sempena Program Setahun Bersama Kerajaan MADANI di Perkarangan Stadium Nasional Bukit Jalil, Kuala Lumpur.

Pengunjung berpeluang mendapatkan pelbagai informasi mengenai produk-produk pertanian, Geran Agropreneur Muda, perkhidmatan Agrobank, TVET Pertanian dan khidmat nasihat khas terutamanya buat warga Lembah Klang.

Selain itu, turut diadakan Demonstrasi *Fruit Craving*, Demonstrasi Dekorasi Mini Akuaskap dan Showcase Simulasi Penggunaan Dron Pertanian dan Mesin Jentui Padi serta aktiviti Pertanian Secara Realiti Maya yang menjadi tumpuan pengunjung.

Terdapat juga perkongsian suasana di booth-booth Jualan Agro MADANI dan sesi perkongsian informasi Pembiayaan oleh Agrobank.



(HARI KEDUA)



Reruai Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menarik ramai pengunjung pada hari kedua. Rata-rata pengunjung yang hadir berpuas hati dengan pelbagai aktiviti dan demonstrasi yang menarik.

Turut meluangkan masa berkunjung ke reruai KPKM adalah Ybhg. Datuk Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha KPKM, YB Datuk Seri Haji Ahmad Haji Maslan, Timbalan Menteri Kewangan, Ybhg. Datuk Azman Mohd Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan, YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambray Abd Kadir, Menteri Luar Negeri, YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan, Dato' Jamal Abdillah dan Datuk Rosyam Nor.

Pelbagai aktiviti dan program menarik telah disertai oleh pengunjung antaranya adalah:

- Bual Bicara bersama Tokoh: Ruang dan Peluang dalam Sektor Pertanian dan Keterjaminan Makanan bagi Kesejahteraan Rakyat;
- Demonstrasi Penyediaan Sushi dan Grill Loin Tuna Labuan;
- Demonstrasi Cantuman Anak Pokok dan Teknik Penyediaan *Greenkit*;
- Demonstrasi Penghasilan Kelapa Telur; dan
- Demonstrasi Pemprosesan Nangka ke Pasaran Global

(HARI KETIGA)

Pelbagai ragam dan reaksi pengunjung di Program Setahun Bersama Kerajaan MADANI sempat dirakamkan pada hari ketiga.

Sambutan di hari terakhir begitu luar biasa dengan kehadiran ramai pengunjung yang berminat untuk mengetahui pelbagai inisiatif yang ditawarkan di reruai KPKM selain menyertai pelbagai demonstrasi.

Antara input pengisian di reruai KPKM pada hari ketiga adalah:

- Demonstrasi Penjagaan dan Dandanan Kucing;
- Demonstrasi Inovasi AF-10 Smart Brooder Ternakan Poltri;
- Kesejahteraan Rakyat Menerusi Kerajaan MADANI: Perkongsian Geran Agropreneur Muda dan Perkongsian Pembiayaan Agrobank; dan
- Penyerahan *Mock Cheque* oleh Ybhg. Datuk Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha KPKM

Majlis Perasmian Penutupan Program Setahun Bersama Kerajaan MADANI telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri di Pentas Utama, Pekarangan Stadium Nasional Bukit Jalil. Majlis dimulakan dengan ucapan amanat YAB Perdana Menteri sempena Program Setahun Bersama Kerajaan MADANI dan diteruskan dengan sesi dialog bersama rakyat.

YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri dan YB Datuk Seri Haji Mohamad Sabu, Menteri KPKM turut meluangkan masa mengunjungi reruai KPKM dan reruai Jualan Agro MADANI bagi merancakkan lagi suasana kemeriahannya dengan pelbagai aktiviti menarik.

Berdasarkan rekod, KPKM telah mencapai lima (5) hala tuju yang membanggakan dalam meningkatkan keterjaminan serta sekuriti makanan negara melalui pelbagai inisiatif untuk para petani, penternak, pesawah dan nelayan.



KUNJUNGAN HORMAT PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA (MYIPO) KE ATAS YBM KPKM

20 DISEMBER | WISMA TANI, PUTRAJAYA

YB Datuk Seri Haji Mohamad Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah menerima kunjungan hormat dari YBrs. Ts Dr. Mohd Zuhar Mohd Zain, Pengurus Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MYIPO) dan rombongan di Wisma Tani, Putrajaya. MYIPO diwujudkan sebagai satu badan berkanun yang menguruskan permohonan pendaftaran seterusnya menyelia beberapa akta perlindungan bagi semua komponen harta intelek. Pihak Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sentiasa menyokong cadangan kerjasama strategik yang mampu memberikan kelebihan kepada pemain industri, pengeluar dan peniaga tempatan daripada mengalami kerugian disebabkan produk, reka bentuk, proses, karya ditiru atau diciplak oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.



MESYUARAT JAWATANKUASA ANTIRASUAH (JAR) PERINGKAT KPKM

20 DISEMBER | WISMA TANI, PUTRAJAYA

Mesyuarat Jawatankuasa AntiRasuaH (JAR) peringkat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) Bilangan 3 Tahun 2023 telah diadakan dan dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha KPKM serta dihadiri oleh Ketua-ketua Pengarah jabatan/agensi di bawah KPKM.

Mesyuarat ini diadakan adalah selaras dengan Arah YAB Perdana Menteri Bil. 1 Tahun 2018 – Pemantapan *Governans*, Integriti dan Anti-RasuaH dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia.

Mesyuarat JAR diadakan bagi membincangkan hal-hal berkaitan tadbir urus, *governans* dan antirasuaH bagi memastikan pentadbiran kerajaan khususnya kementerian dan agensi di bawahnya ditadbir dengan tatakelola terbaik dan berintegriti.

Antara perkara yang dibentangkan dalam mesyuarat ini adalah pemakluman oleh Unit Integriti (UI) berkaitan status terkini pencapaian Kalam AntiRasuaH 2021-2025 KPKM (KARMA) dan status pelaksanaan pelan antirasuaH jabatan/agensi serta pembentangan penemuan dan syor hasil aktiviti permatuhan kad perakam waktu.

Turut dibentangkan adalah kertas pemakluman berkaitan penarafan rasuaH terkini terhadap kementerian dan agensi serta Garis Panduan Pengiktirafan kepada Penjawat Awam yang Melaporkan Penerimaan dan Pemberian RasuaH.

Dalam mesyuarat ini juga, dua (2) isu telah dibincangkan iaitu, isu berkaitan markah Laporan Penilaian Tahunan (LNPT) yang diberi oleh pegawai penilai tidak menggambarkan prestasi sebenar pegawai yang dinilai, disuarakan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). serta isu yang diangkat oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) berkaitan permasuan atau pindaan dokumen sokongan termasuklah yang mengandungi butiran palsu untuk memohon kemudahan perubatan.



KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI POLAND KE ATAS YB MENTERI KPKM

14 DISEMBER | WISMA TANI, PUTRAJAYA

YB Datuk Seri Haji Mohamad Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah menerima kunjungan hormat daripada Duta Besar Republik Poland, TYT Krzysztof Dobrowolski yang memulakan tugas beliau pada Ogos lepas, di Wisma Tani, Putrajaya.

Pertemuan ini adalah bagi membincangkan hubungan dua hala dalam bidang pertanian serta isu cadangan pertukaran kerjasama berkaitan keselamatan makanan dan industri agromakanan di antara kedua-dua negara.

Secara amnya, Malaysia menyaksikan kenaikan sebanyak 30.1% dalam import barang pertanian daripada Republik Poland pada tahun lalu dengan nilai import mencapai RM280.63 juta berbanding dengan RM215.69 juta pada tahun sebelumnya.

Kedua-dua negara juga yakin bahawa hubungan dua hala akan kekal positif dan terus meningkat menerusi pelbagai kerjasama dalam bidang pertanian. Menerusi mesyuarat ini juga, Malaysia memaklumkan hasrat untuk meneroka pasaran pengeksportan buah-buahan tropika seperti nanas, belimbing dan nangka ke Republik Poland sekaligus menyampaikan jemputan kepada Republik Poland bagi menyertai Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) yang akan berlangsung pada September tahun hadapan.



TANAMAN PADI DI BANDAR BUKAN LAGI MUSTAHIL

18 DISEMBER | COMBAK

Datuk Seri Haji Mohamad Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), teruja ketika turun padang bagi meninjau pelaksanaan projek kebuniti yang diusahakan oleh Kelab Kebun Rumah Pangsa AU2, Taman Keramat.

Projek kebuniti yang mendapat pelbagai kerjasama agensi dan pihak swasta antaranya Jabatan Pertanian Negeri Selangor, Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Jabatan Pengairan Saliran Selangor, Maybank dan Komuniti Rumah Pangsa Taman Keramat AU2 telah diusahakan sejak September 2015 dan oleh komuniti setempat yang melibatkan penyertaan 30 orang peserta.

Terdapat lebih 150 jenis tanaman yang diusahakan di kebuniti ini melibatkan tanaman ulam-ulaman seperti ulam raja, bunga kantan dan serai serta pokok buah-buahan seperti nangka, durian dan mangga. Menariknya, tanaman padi turut diusahakan.

Penduduk di kawasan ini telah berjaya membuktikan bahawa dengan hasil usaha serta kerjasama jabatan dan agensi Kerajaan, menanam padi di rumah pangsa dalam kawasan bandar bukan lagi sesuatu yang mustahil untuk dilakukan.



TAHNIAH KPKM

19 DISEMBER | WISMA TANI, PUTRAJAYA



Tahniah diucapkan kepada semua warga Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) yang telah berusaha menjayakan pensijilan EKSA di KPKM oleh pihak MAMPU.

KPKM telah berjaya memperoleh pengiktirafan pensijilan EKSA kategori Cemerlang. Setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan atas semua usaha gigih dan kerjasama yang padu oleh semua zon EKSA KPKM dalam menjayakan pensijilan EKSA KPKM ini.

Semoga warga KPKM terus membudayakan EKSA demi kecemerlangan organisasi yang berimej korporat, selamat dan kondusif sepanjang masa.

SESI CLOCK IN YB DATUK ARTHUR JOSEPH KURUP

13 DISEMBER | WISMA TANI, PUTRAJAYA

Selamat Datang YB Datuk Arthur Joseph Kurup ke KPKM

YB Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) yang baharu dilantik tiba di Wisma Tani bagi memulakan tugasnya menggantikan YB Datuk Chan Foong Hin yang bertukar portfolio ke Kementerian Perladangan dan Komoditi.

Ketibaan beliau disambut Datuk Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha KPKM, Datuk Azah Hanim Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KPKM, Pengurusan Tertinggi dan pegawai-pegawai kanan jabatan serta agensi KPKM.

Beliau kemudian mengimbas kad nama (*clock in*) sebagai simbolik permulaan tugas rasmi di KPKM. Seterusnya, mengadakan pertemuan ringkas bersama YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan serta menghadiri Mesyuarat Pasca Kabinet yang pertama baginya bersama-sama barisan Pengurusan Tertinggi dan pegawai-pegawai kanan jabatan dan agensi KPKM.



SESI SENDING OFF YB DATUK CHAN FOONG HIN

PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH KEPADA YB DATUK CHAN FOONG HIN

13 DISEMBER | WISMA TANI, PUTRAJAYA

Warga Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih atas segala sumbangan dan khidmat bakti YB Datuk Chan Foong Hin sepanjang menjawat jawatan sebagai Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan mulai 12 Disember 2022 hingga 13 Disember 2023.

Jutaan terima kasih Datuk atas sokongan yang tidak berbelah bahagi terhadap usaha-usaha untuk KPKM. Selamat maju jaya di Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK).

Jasamu Dikenang, Budimu Disanjung, Baktimu Dijunjung



SIDANG REDAKSI:

PENAUNG:
DATUK LOKMAN HAKIM ALI
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN

KETUA EDITOR:
**MOHAMMAD
EZRI BIN
SHAMSUDDIN**
**MAHAZIR BIN
YUSUFF**

EDITOR:
**NURIL
MUTMAINNAH
BINTI ROSLAN**
**SARI NOR
AMRIYAH BINTI
MUHAMMAD ISA**

PENULIS:
**KAIRUL
ANWAR BIN
MOHD ZAMBRI**

GRAFIK:
**NABILLAH
BINTI
ZAMRI**

JURU FOTO:
**MOHAMAD
YASIN BIN
JAMAL**
**MOHD NAJIB BIN
ABDUL JABAR**

**IDEA, KONSEP &
TERBITAN:**
**UNIT KOMUNIKASI
KORPORAT, KPKM**

GERAN AGROPELANCONGAN KPKM



GERAN AGROPELANCONGAN

**ANDA PENGUSAHA PUSAT
AGROPELANCONGAN?**

Memerlukan Dana untuk
Naiktaraf Tempat Anda?

Kerajaan Menyediakan

Bantuan Pembiayaan
Maksimum Sehingga

RM200,000


Tarikh Tutup : 15 Januari 2024

SEBARANG PERTANYAAN LANJUT:

**UNIT AGROPELANCONGAN,
BAHAGIAN INDUSTRI MAKANAN DAN ASAS TANI**
03-8870 1799 / 8870 1797

@kpkmalaysia

www.kpkm.gov.my



**Mohon
Sekarang!**

